

# Alasan kehadiran Hussain untuk hormati PM dipertikai

UM 25 AUG 2002

KUALA TERENGGANU 24 Ogos — Anak kepada pemegang amanah Masjid Kampung Losong Haji Mat Shafei mempertikaikan alasan kehadiran Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Hussain Awang ke masjid itu pada 16 Ogos lalu kononnya menghormati tetamu iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Salah seorang anak ulama terkenal, Ahmad Taib atau lebih dikenali sebagai Mat Tersat, Abdullah Ahmad, 47, berkata, jika ingin memberi penghormatan mengapa Hussain tidak menunggu dan menyambut Dr. Mahathir di pintu masuk masjid sebagai kladziman menyambut tetamu.

Sebaliknya, Abdullah mendakwa, kedatangan Hussain bersama beberapa orang lagi seperti cuba bersembunyi apabila masuk melalui pintu belakang dan bukan melalui jalan biasa.

“Inikah cara nak sambut tetamu? Masuk ikut pintu belakang secara sembunyi-sembunyi,” kata Abdullah yang merupakan antara pengasas cawangan Pas Kampung Losong ketika ditemui di sini hari ini.

Katanya, masjid itu diasaskan oleh moyangnya Haji Mat Shafie dan diamanahkan kepada Mat Tersat sebelum meninggal dunia.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa pelantikan Hussain membaca khutbah dan mengimamkan solat Jumaat sebagai tanda menghormati pemimpin negara.

Dalam kejadian 16 Ogos lalu, Hussain cuba mengambil alih tugas imam dan khatib tetap di masjid itu semasa kehadiran Dr. Mahathir untuk menunaikan solat Jumaat atas alasan sebagai khatib tamu selepas diarahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Selaras rundingan, Muhammad Abu Bakar mknkeruskan tugasnya sebagai khatib tetapi sejurus sebelum solat Jumaat, Hussain terlebih dahulu mengambil alih tugas sebagai imam.

Hussain juga didakwa sengaja membaca surah yang menyindir Perdana Menteri semasa menjadi imam pada hari itu.

Mengulas lanjut, Abdullah melahirkan rasa kesal dengan sikap Pas yang sanggup membawa semangat kepartian sehingga ke dalam masjid.

“Jika nak sindir Perdana Menteri, dah banyak dalam ceramah dan di Parlimen tetapi kenapa dalam solat dan khutbah pun nak ambil kesempatan,” katanya yang kesal dengan kejadian tersebut.